

MAHATHIR-PERUBAHAN 'R'R'R'

(I)

1983

KUALA LUMPUR, 10 NOV. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI PERUBAHAN-PERUBAHAN YANG DIPERKENALKAN DI MALAYSIA ADALAH BERTUJUAN MEMPASTIKAN PEMBANGUNAN YANG LEBIH PESAT TANPA MENJEJASKAN KESEJAHTERAAN RAKYAT BERDILANG KAUM.

PERDANA MENTERI BERKATA MALAYSIA TIDAK MAMPU MENJEJAKI EVOLUSI PERLAHAN BAGI MEMBAWA PEMBANGUNAN SEPERTI DI EROPAH.

PEMBANGUNAN PERLU DIPESATKAN, MALAH DALAM BEBERAPA ASPEK LEBIH PESAT DARIPADA PEMBANGUNAN JEPUN, KATA BELIAU DALAM SIMPOSIUM ANTARABANGSA ANJURAN UNIVERISITI KEIO DI TOKYO. TEKS UCAPAN BELIAU DIKELUARKAN DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERUBAHAN-PERUBAHAN YANG DIPERKENALKAN TELAH DIRANCANG DAN DIJADUALKAN DENGAN TELITI UNTUK MENJAMIN KESEJAHTERAAN SEMUA RAKYAT DAN MENGELAKKAN KONFRONTASI DAN KEKACAUAN PERKAUMAN.

KATANYA MEMPERKENALKAN SESUATU PERUBAHAN DI MALAYSIA BUKANLAH SEKADAR MENGELUARKAN PERINTAH -- IA PERLU DIBUAT DENGAN BERHATI-HATI DENGAN MEMBERI PENJELASAN TENTANG DASAR DAN PERLAKSANAANNYA. MAHATHIR-PERUBAHAN 2 KUALA LUMPUR 'R'R'R'

BELIAU BERKATA DASAR PANDANG KE TIMUR, KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA DAN KONSEP PENGSWASTAAN TIDAK DAPAT DIPERKENALKAN SEBELUM INI KERANA IA SUDAH TENTU TIDAK AKAN DITERIMA OLEH MASYARAKAT PRIBUMI YANG MASIH KETINGGALAN.

SEKIRANYA DIPERKENALKAN LEBIH AWAL, DASAR DAN KEDUA-DUA KONSEP ITU AKAN HANYA MELUASKAN JURANG PERBEZAAN ANTARA KAUM YANG MERUPAKAN SATU CIRI MASYARAKAT MALAYSIA PADA MASA LAMPAU, KATA BELIAU.

MALAH, PERDANA MENTERI MENAMBAHKATA, PADA MASA KINI PUN DASAR DAN KONSEP ITU PERLU DILAKSANAKAN DENGAN KEBIJAKSANAAN.

+OLEH KERANA PENYUBUNAN SEMULA CORAK EKONOMI NEGARA MASIH BELUM SELESAI, KERAJAAN PERLU BERHATI-HATI UNTUK MENENTUKAN KONSEP PERSYARIKATAN MALAYSIA DAN PENGSWASTAAN TIDAK MENCETUSKAN KETEGANGAN ANTARA KAUM,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERKARA INI HENDAKLAH DIFAHAMI OLEH SEMUA PIHAK, TERMASUK ORANG ASING,+ DENGAN CARA DEMIKIAN SAHAJA BARULAH KEJAYAAN DAPAT DICAPAI.+ -- LAGI 1725/ZCM

ORANG ASING HENDAKLAH MENYEDARI BAHAWA MEREKA BERURUS DENGAN SEBUAH MASYARAKAT BERBILANG KAUM YANG +SENSITIF+.

+SEKIRANYA MEREKA DIKEHENDAKI MEMENUHI SYARAT-SYARAT BUKAN EKONOMI TERTENTU DALAM PENGLIBATAN MEREKA DI MALAYSIA, INI ADALAH UNTUK KEBAIKAN MEREKA SENDIRI+, KATA BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA INGIN MEMPELAJARI DARI JEPUN TETAPI IA PERLU MEMILIH MEMANDANGKAN PERBEZAAN SOSIO-POLITIK DAN KEBUDAYAAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA.

PERDANA MENTERI BERKATA PEMBANGUNAN EKONOMI TIDAK BOLEH DIJADIKAN SATU-SATUNYA UKURAN. KEHARMONIAN ANTARA KAUM DAN KESTABILAN POLITIK MERUPAKAN PERTIMBANGAN YANG LEBIH PENTING.

PUNCA-PUNCA JURANG EKONOMI ANTARA KAUM DAN SEBAB MALAYSIA TIDAK DAPAT MENJADI SEBUAH NEGARA MAJU SETAKAT INI, PERLU DIKAJI DAN TINDAKAN MESTI DIAMBIL, DI MANA PERLU, UNTUK MEMBAIKI KEADAAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN RASA KESAL TERHADAP APA YANG BELIAU TANGGAPI SEBAGAI PENERIMAAN BULAT-BULAT SISTEM TERTENTU DARI NEGARA MAJU OLEH BEBERAPA NEGARA MEMBANGUN.

MAHATHIR-PERUBAHAN 4 KUALA LUMPUR 'R'R'R'

KATANYA PENERIMAAN SISTEM-SISTEM INI, TERMASUK YANG BERHUBUNG DENGAN KESATUAN SEKERJA, KERAPKALI MENIMBULKAN KEADAAN YANG TIDAK MENGUNTINGKAN KEPADA NEGARA-NEGARA TERSEBUT.

BELIAU MENGGESSA KERAJAAN NEGARA-NEGARA MEMBANGUN CUBA MEMPENGARUHI SEBAIK-BAIKNYA PEMILIHAN SISTEM OLEH RAKYAT.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU YAKIN ETIK KERJA JEPUN BUKANLAH SATU FENOMENA TETAPI MERUPAKAN SATU SISTEM NILAI YANG DIPUPUK.

+SEKIRANYA ETIK KERJA BOLEH DIPUPUK, MAKA RAKYAT MALAYSIA JUGA BERUPAYA MEMBENTUK ETIK KERJANYA SENDIRI,+ KATA BELIAU.

PERDANA MENTERI JUGA MENYENTUH BEBERAPA ASPEK LAIN MENGENAI KEJAYAAN EKONOMI JEPUN, TERMASUK FALSAFAH KORPORAT DAN PEMBANGUNAN SEKTOR PERKILANGANNYA.

--BERNAMA 1810/PA